



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KPLB SASAR CAPAI 90 PETUNJUK PRESTASI

UTAMA TAHUN 2022

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (32)

PUTRAJAYA, 14 Feb - Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KPLB, meletakkan sasaran untuk mencapai 90 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2022.

Menurut Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid, KPI yang ditetapkan itu berteraskan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) 2030.

"Program-program yang telah dipilih sebagai KPI bagi tahun 2022 ini, sebahagiannya adalah program baharu dan ada juga program yang sememangnya telahpun kita laksanakan pada tahun-tahun sebelum ini.

Walaupun program tersebut telah dilaksanakan, tetapi fokus kita pada tahun 2022 ini adalah kepada outcome dan impak kepada masyarakat luar bandar dan Orang Asli", katanya dalam satu kenyataan kepada media hari ini.

Kata putus bagi penetapan sasaran KPI itu dicapai menerusi satu resolusi khas hasil Mesyuarat Hala Tuju Strategik Kementerian Pembangunan Luar Bandar Tahun 2022 yang berlangsung pada 9-11 Februari lalu di Teluk Bahang, Pulau Pinang.

Jelas Mahdzir, 90 program KPI yang dipilih adalah mewakili lapan teras utama DPLB.

ia merangkumi teras Modal Insan, Keusahawanan, Ekonomi, Prasarana, Sistem Penyampaian, Perumahan dan Pembangunan Wilayah serta teras Belia dan Wanita.

Dengan pencapaian KPI itu juga bakal memberi manfaat kepada 950 ribu masyarakat di luar bandar dan Orang Asli di seluruh negara.

"Kita kini berada dalam era kepantasan media sosial dimana segala masalah rakyat disebarluaskan menerusnya dan memerlukan tindakan segera daripada Kementerian.

Justeru KPLB perlu mempunyai dimensi baharu dan merancang pelaksanaan kaedah baharu bagi merealisasikan proses tersebut supaya rakyat dapat menerima manfaat yang dijanjikan oleh kerajaan."

KPLB juga jelas Mahdzir, akan memberi penekanan kepada mencari kaedah penyelesaian untuk menyegerakan pelaksanaan projek luar bandar mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Selain memberi fokus kepada pengukuhan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan agar segala sumber dan tenaga dapat dioptimumkan untuk mempercepatkan proses transformasi luar bandar.

Mesyuarat Hala Tuju Strategik KPLB turut bersetuju meletakkan batu asas pembentukan Kampung Sejahtera, satu inisiatif terbaharu kementerian itu untuk program transformasi kampung.

"Bagi merealisasikan konsep Kampung Sejahtera ini, program-program di bawah semua sektor dan agensi KPLB perlu dilihat secara holistik.

Saya amat yakin dan percaya dengan komitmen daripada seluruh keluarga besar KPLB, usaha kita membangunkan kawasan luar bandar di seluruh negara akan menjadi kenyataan yang akan memberi kemudahan kepada generasi masa hadapan," kata Mahdzir.

-TAMAT-

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATUK SERI MAHDZIR KHALID

MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

14 FEBRUARI 2022

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my



www.rurallink.gov.my



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



kplb_gov



kplb_gov



KPLB_GOV Official